

26 JUN 2002

Mahathir-Reaksi

RAKYAT, SWASTA YAKIN PERALIHAN KUASA LANCAR

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Orang ramai, pertubuhan bukan kerajaan dan sektor swasta yakin peralihan kuasa kepimpinan kerajaan yang diatur oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berjalan lancar dalam tempoh masa yang ditetapkan menjelang Oktober tahun depan.

Mereka yang menyanjung kepimpinan Dr Mahathir selama ini, kagum dengan keputusan beliau yang terbukti penuh bijaksana dan berpandangan jauh dalam memastikan peralihan kuasa kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berlangsung dengan baik.

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) berkata mereka menerima dan menghormati keputusan Perdana Menteri.

"Kami menerima kenyataan bahawa perubahan tidak boleh dielakkan dan ini termasuk kepimpinan negara," kata MTUC dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Kesatuan itu berkata rakyat patut berbangga dengan sistem peralihan kuasa yang diamalkan yang tiada bandingannya di negara lain.

Di JOHOR BAHRU, Naib Presiden Persatuan Pengguna Johor Faizal Haji Omar berkata kebijaksanaan Dr Mahathir terus terbukti dengan perancangan langkah demi langkah yang pastinya mengekalkan kestabilan negara termasuk dari segi politik dan ekonomi.

"Kita pasti akan terasa kehilangan pemimpin yang amat disanjung oleh rakyat ini bila tiba Oktober 2003. Dr Mahathir takkan dapat dicari ganti, namun kebijaksanaan beliau mengatur peralihan kuasa itu akan memastikan Malaysia terus stabil," katanya kepada Bernama di sini, hari ini.

Katanya, selepas pengumuman oleh Majlis Tertinggi (MT) Umno semalam dan sokongan padu semua parti komponen Barisan Nasional (BN), rakyat merasa lega dan yakin tidak akan berlaku sebarang pergolakan yang tidak diingini.

Pengerusi parti Gerakan Johor Teo Kok Chi pula berkata seboleh-bolehnya rakyat berbilang kaum di negara ini masih mahukan Dr Mahathir terus memimpin kerajaan tetapi dalam pada itu rakyat juga terpaksa menerima bahawa akan tiba masanya bagi seseorang pemimpin berundur diri.

"Gerakan Johor menyokong langkah peralihan kuasa yang diumumkan itu dan mendoakan semuanya berjalan lancar kerana kita seperti juga semua rakyat lain mahu Malaysia terus maju dan sentiasa aman," katanya.

Seorang pesara Yahya Zainal, 63, yang datang sendiri ke pejabat Bernama untuk menyatakan pandangannya, pula berkata MT Umno dan kalangan pemimpin BN membuat keputusan bijak menerima hasrat Perdana Menteri untuk mengundurkan diri dalam tempoh yang diberikan.

"Kita semua sayangkan Dr Mahathir yang telah membuat begitu banyak jasa kepada negara dan hormatilah keputusan beliau, yang mungkin memerlukan masa untuk dirinya sendiri dan keluarganya pula setelah memberikan yang terbaik untuk kita semua," katanya, yang kelihatan terharu.

Pengusaha barangan seni imej Islam di Pontian, Lokman Junit juga menyokong langkah peralihan kuasa itu, yang menurutnya dapat dijayakan dengan baik setelah para pemimpin tertinggi Umno dan BN sendiri sudah menjanjikan sokongan padu.

Ketua Pegawai Eksekutif Mediaplus Consultants Dr R. Sankaran pula berkata keputusan Dr Mahathir mengundurkan diri ketika beliau berada di kemuncak, jelas membuktikan beliau seorang yang agung kerana jarang ada pemimpin yang mahu berpisah daripada kuasa yang dipegangnya.

Di KUANTAN, Pergerakan Pemuda Umno Pahang yang menghormati keputusan Dr Mahathir, berikrar akan memberi sokongan sepenuhnya kepada Abdullah.

Ketuanya Ismail Saari berkata sekalipun negara dilihat masih memerlukan kepimpinan Dr Mahathir tetapi rakyat perlu menerima hakikat bahawa negara juga perlu bersedia untuk mempunyai pelapis kepimpinan bagi terus menerajui negara pada masa depan.

"Kita menyanjung tinggi proses peralihan kuasa dan masa peralihan kuasa ini kita tetap akan taat setia kepada Dr Mahathir dan kita juga tidak akan berbelah bagi kepada pucuk pimpinan yang akan diketuai Datuk Seri Abdullah kelak..," katanya ketika dihubungi di sini.

Ismail berharap keputusan yang telah dibuat itu diterima oleh semua peringkat pucuk pimpinan dan peringkat akar umbi tanpa sebarang syak wasangka.

Di KUALA TERENGGANU, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) yakin Abdullah berkemampuan menerajui negara untuk meneruskan kesinambungan pimpinan yang cemerlang sebagai Perdana Menteri.

Setiausaha Agungnya Syed Anuar Syed Mohamad berkata GPMS bersyukur di atas keyakinan serta kepercayaan yang telah diberikan oleh Perdana Menteri kepada timbalannya sebagai pengganti beliau selepas bersara pada Oktober 2003.

"GPMS yakin dan percaya dengan pengalaman luas Abdullah khasnya dalam pentadbiran negara... malah beliau mampu membawa Malaysia ke gelanggang globalisasi yang semakin mencabar dan memerlukan seorang pemimpin yang berkaliber, dinamis dan berkarisma," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Sementara itu, Badan Perhubungan Umno dan Barisan Nasional (BN) Negeri Sembilan memberi sokongan penuh kepada Abdullah untuk meneruskan pimpinan parti dan negara apabila sampai waktunya.

"Kita akan pastikan supaya sokongan itu menyeluruh, sampai ke peringkat akar umbi. Di samping itu kita juga mengucapkan penghargaan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana menarik balik peletakan jawatan beliau," kata pengerusi badan itu dan BN negeri Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad.

Mohamed Isa yang juga Menteri Besar Negeri Sembilan memberitahu pemberita demikian selepas mempengerusikan mesyuarat badan itu di sini hari ini.

Katanya beliau yakin dan percaya bahawa dengan sokongan seluruh anggota Umno dan BN, Abdullah dan rakan-rakan di kabinet akan dapat meneruskan khidmat dalam tempoh peralihan kuasa itu.

-- BERNAMA

MNY MS FAY MFJ IB MRA RP RHM